

Kuala Lumpur: Perkhidmatan Transit Aliran Ringan (LRT) di antara stesen Sentul Timur dan Bandaraya kini beroperasi dengan kekerapan setiap 12 minit ekoran beberapa tren yang terpaksa dikeluarkan daripada perkhidmatan atas faktor keselamatan.

Rapid Rail, dalam satu kenyataan memaklumkan perkara itu menyebabkan hanya dua daripada lima tren yang dapat beroperasi ketika ini.

“Semenjak 27 Januari lalu, sebanyak lima tren digunakan di antara stesen-stesen terbabit. Disebabkan kerosakan struktur dan landasan berhampiran stesen Bandaraya, tren-tren tersebut tidak dapat kembali ke depoh LRT di Ampang untuk kerja-kerja penyelenggaraan.

“Tiga daripada lima tren terbabit terpaksa dikeluarkan kerana tidak lagi memenuhi kriteria operasi,” menurut kenyataan itu.

Justeru, sebanyak 10 bas perkhidmatan bas perantara (LRT11) di antara stesen

Operasi LRT Sentul Timur & Bandaraya setiap 12 minit

Sentul Timur dan Bandaraya diaktifkan bermula waktu puncak petang kelmarin bagi menampung dan mengendalikan penumpang terjejas.

Kenyataan itu memaklumkan perkhidmatan bas perantara LRT11 ini akan

berhenti di stesen-stesen Sentul Timur, Sentul, Titiwangsa, PWTC, Sultan Ismail dan Bandaraya yang mana perjalanan sehala menaiki bas perantara dari Sentul Timur ke Bandaraya dijangka mengambil masa selama 30 minit.

Menurut kenyataan itu, anggota operasi rel, anggota Polis Bantuan dan petugas Prasarana (*Troopers*) akan ditempatkan di stesen-stesen yang terbabit bagi mengawal pergerakan penumpang di stesen dan platform.



BEBERAPA tren di antara stesen Sentul Timur dan Bandaraya terpaksa dikeluarkan daripada perkhidmatan atas faktor keselamatan. - Gambar NSTP/ASWADI ALIAS

25.02.2023 Hm M/S LG